

PENERAPAN ISTILAH SAINS PERTANIAN MBIM/MABBIM DALAM PENTERJEMAHAN BUKU INGGERIS-MELAYU¹

**RAJA MASITTAH RAJA ARIFFIN, CHE IBRAHIM HAJI SALLEH & NORAZLINA
HJ. MOHD. KIRAM**

rajamasittah@putra.upm.edu.my
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Proses pembelajaran dan pemindahan ilmu pengetahuan akan menjadi lebih mudah melalui penterjemahan. Dalam proses penterjemahan, penterjemah hendaklah memilih dan menerapkan istilah yang sesuai untuk bahasa sasaran supaya hasil terjemahan berkualiti dan memberi impak kepada pembaca. Kajian ini menggariskan empat objektif iaitu, meninjau sejauh manakah para penterjemah memanfaatkan istilah yang dihasilkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka/MBIM/MABBIM dalam urusan penterjemahan buku-buku daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dalam bidang sains pertanian; meneliti sejauh manakah para penterjemah memilih dan mengaplikasikan istilah sains pertanian yang betul, tepat dan berkesan dalam kerja-kerja penterjemahan; menjelaskan faktor utama yang membawa kepada berkesannya dan ketidakberkesannya penggunaan istilah sains pertanian dalam kerja-kerja penterjemahan; dan menghuraikan masalah utama yang dihadapi oleh penterjemah berhubung dengan penggunaan dan pemilihan istilah sains pertanian dalam kerja-kerja penterjemahan. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan dan responden yang ditemu bual terdiri daripada para penterjemah yang berkaitan. Data-data pula diperolehi daripada enam buah buku dalam bidang Sains Pertanian, iaitu sebanyak 332 istilah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 227 istilah (68.4%) dimanfaatkan oleh penterjemah, iaitu menunjukkan persamaan; manakala 105 istilah (31.6%) yang digunakan oleh penterjemah didapati berbeza dengan istilah yang dicipta oleh DBP/MBIM/MABBIM. Hal ini disebabkan faktor dalaman dan luaran, iaitu sikap penterjemah itu sendiri dan kekurangan istilah bidang pertanian pada waktu penterjemahan buku-buku tersebut dilakukan.

Kata kunci: terjemahan, terminologi, buku Sains Pertanian, MABBIM

ABSTRACT

Readers who are not familiar with the source language will be able to gain knowledge through the target language. In other words, the translated texts can help broaden readers knowledge and ways of thinking. During the translation process, a translator has to identify and apply the appropriate term in the target language in order to ensure that the translated text will be accurate and effective. The objective of this study is to examine the extent to which translators have utilised the terms produced by Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)/Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM)/Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) in the translation of Agricultural Science books from English into Malay, with particular focus on the accuracy and effectiveness of the translated terms. This study also seeks to identify the problems often faced by the translators in choosing and applying the translated terms for texts related to the field of agricultural science. The

¹ Tulisan ini dihasilkan atas pembiayaan Skema Geran Universiti Penyelidikan/RESEARCH UNIVERSITY GRANT SCHEME (RUGS), Universiti Putra Malaysia. No. Projek:06-01-09-0689RU/Ogos2009-Feb2011.

data for this study is obtained from six Agricultural Science books as well as from interviews with the translators. 332 terms have been gathered from the books and it is found that a total of 226 (68.3%) of them are similar and have been used and referred to by the translators in their translation work. A total of 105 (31.6%) terminologies show differences in the usage by the translators due to certain reasons. This may be due to the internal and external factors that are related to the attitude of the translators as well as the lack of agricultural terminologies when the books were being translated.

Keyword: Translation, Terminologies, Agricultural science books, MABBIM

Pengenalan

Buku Daftar Istilah MBIM hasil Sidang Ke-7 hingga ke-23 Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia 1974-1985, yang dihasilkan dalam dua jilid, terbitan tahun 1986 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka telah merakamkan kira-kira 75,000 istilah sumber dan padanannya dalam bahasa Malaysia bagi 65 bidang dan subbidang ilmu. Antaranya termasuklah bidang pertanian. Daftar ini menjadi asas untuk penambahan istilah-istilah seterusnya. Penyusunan dan penerbitan daftar ini bertujuan untuk penyebarluasan dan pemasyarakatan agar menjadi wadah kerja dan sumber rujukan kepada semua penggunanya, baik para pelajar, ahli akademik, penjawat awam, penterjemah dan sebagainya.

Pembentukan istilah membabitkan definisi dan penjelasan supaya tidak wujud kekeliruan. Menurut Hassan Ahmad (1980), istilah yang betul bermakna struktur atau tatabahasanya hendaklah betul dan sesuai dengan Pedoman Umum Pembentukan Istilah. Oleh hal yang demikian, untuk menentukan istilah dan bukan istilah, pakar bidang dan ahli jawatankuasa istilah yang dilantik akan menentukan sesuatu istilah itu dapat mendukung konsep ilmu dan dapat diterima umum. Istilah boleh terdiri daripada kata, rangkai kata, akronim, simbol atau sebagainya yang dibentuk berdasarkan prinsip dan kaedah tertentu. Kegiatan peristilahan berkembang apabila Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dipertanggungjawabkan menggubal istilah, dan ini merupakan ciri penting dalam tugas utamanya membina dan mengembangkan bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu. Institusi lain juga turut terlibat dalam urusan pembentukan istilah, dan semua hasil kerja tersebut akan diselaraskan oleh DBP bagi setiap istilah menurut bidang, sebelum dikemukakan kepada jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia (JKTBM) untuk perakuan. Ada istilah yang diperakukan dengan pindaan, dan disebarkan kepada ramai melalui buku dan senarai istilah. Ada juga yang tidak diperakukan

tetapi perlu diselaraskan di peringkat yang lebih tinggi, iaitu Majlis Bahasa-Indonesia-Malaysia (MBIM) dan kemudian menjadi MABBIM (Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia). Ribuan istilah telah dicipta dalam ratusan bidang dan ilmu untuk kegunaan para pelajar dan masyarakat umum, termasuklah penjawat awam, penminat bahasa dan golongan penterjemah. Pada peringkat awal, bidang yang diberikan penekanan ialah sains am dan diikuti oleh bidang dan subbidang yang lain, termasuklah sains kemasyarakatan dan kemanusiaan. Selain sains dan teknologi, sains pertanian juga merupakan disiplin yang tidak kurang pentingnya dalam pembangunan negara.

Sejarah Ringkas Jawatankuasa Istilah Pertanian

Jawatankuasa Istilah Pertanian ditubuhkan pada 22 Oktober 1985 dengan tugas utamanya untuk menyelaraskan dan mengesahkan istilah pertanian yang selesai diusahakan pada 18 Disember 1986. Pembentukan atau pembinaan dan pengesahan istilah-istilah dalam bidang ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna sekiranya tanpa kumpulan cerdik pandai dalam bidang ini bergabung idea, tenaga dan masa untuk merealisasikannya. Ahli jawatankuasa yang dilantik terdiri daripada para pensyarah universiti, wakil daripada agensi-agensi kerajaan seperti MARDI, FAMA, Jabatan Pertanian dan ahli-ahli bahasa.

Istilah dalam bidang pertanian terbina melalui beberapa peringkat. Peringkat pengumpulan istilah Sains Pertanian diusahakan oleh pakar bidang dari Fakulti Pertanian, Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia) yang dikenal sebagai UPM. Istilah-istilah yang terkumpul dibincangkan dalam mesyuarat pengesahan dan penyelarasan istilah di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Ahli jawatankuasa pembentukan, pengesahan dan penerbitan istilah Sains Pertanian terdiri daripada Naib Canselor UPM, Dewan Fakulti pertanian, Ketua Jabatan Perlindungan Tumbuhan, dan Jabatan Agronomi dan Kultur-Kebunan serta semua kakitangan akademik Fakulti Pertanian.

Kerja peristilahan bahasa Melayu secara rasminya bermula apabila Jawatankuasa Istilah Kerajaan ditubuhkan pada 15 Januari 1957 dan diikuti oleh Jawatankuasa Istilah Sains dan Teknik pada 19 Februari 1957. Selain istilah sains dan teknik, DBP telah menggubal dan menghasilkan 45 judul buku daftar istilah yang mengandungi 550,000 istilah bagi lebih daripada 500 bidang dan subbidang ilmu berdasarkan entri bahasa sumber, iaitu bahasa Inggeris. Istilah dalam pelbagai bidang dan subbidang ini diterbitkan dalam bentuk buku dan senarai istilah bagi

membantu masalah ketiadaan dan kekurangan istilah yang kerap dialami oleh masyarakat umum, khususnya golongan penterjemah. Golongan penterjemah merupakan kumpulan yang menggunakan istilah dalam kerja terjemahan.

Permasalahan Kajian

DBP dan MABBIM telah mencipta ratusan ribu istilah dalam pelbagai bidang dan ilmu moden untuk kegunaan masyarakat umum yang terdiri daripada pelajar peringkat rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi (IPT), baik di Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam, termasuk Singapura, juga sekolah dan IPT yang mengajar ilmu dalam bahasa Melayu bagi membentuk bahasa supranasional. Ratusan ribu istilah yang dicipta dalam tempoh masa yang panjang, menggunakan banyak wang dan tenaga kepakaran. Secara praktisnya, setakat manakah istilah-istilah tersebut dimanfaatkan dan digunakan dalam tugas sehari-hari. Dalam konteks ini, pengkaji berfokus kepada penterjemahan buku-buku dari bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu dalam bidang pertanian oleh penterjemah.

Objektif Kajian

Kajian ini berusaha meninjau setakat mana para penterjemah menerapkan istilah bidang sains pertanian yang dihasilkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka/MBIM/MABBIM dalam urusan penterjemahan buku-buku dari bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu dalam bidang berkaitan; merakamkan peratusan penterjemah menggunakan dan memilih istilah Sains Pertanian yang betul, tepat dan berkesan dalam melaksanakan kerja penterjemahan; meneliti persamaan dan perbezaan istilah Sains Pertanian yang digunakan oleh penterjemah dalam kerja-kerja penterjemahan; dan menghuraikan masalah utama yang dihadapi oleh para penterjemah berhubung dengan penggunaan dan pemilihan istilah Sains pertanian dalam kerja-kerja penterjemahan.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk kegunaan dalam sistem pendidikan negara dan dalam kalangan penggunanya, termasuklah penjawat awam, pendidik, khususnya para penterjemah yang membuat kerja penterjemahan dalam bidang ini. Penggunaan istilah yang betul dan tepat dapat menghasilkan karya atau buku terjemahan dalam bahasa Melayu dengan berkesan kepada

pembaca. Penggunaan istilah yang mantap dan berkesan dapat mewujudkan bahasa supranasional yang selaras penggunaannya di peringkat antarabangsa.

Skop dan Batasan Kajian

1. Kajian ini meliputi istilah bidang Sains Pertanian sahaja yang dimanfaatkan oleh para penterjemah buku dalam bidang ini, yang diterjemahkan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu sahaja.
2. Kajian ini merangkumi hanya bahan-bahan terjemahan dalam bentuk buku yang diterbitkan oleh DBP dan juga penerbit lain.
3. Buku terjemahan pilihan terhad kepada buku pengajian tinggi dan umum dalam bidang Sains Pertanian.
4. Penterjemah yang menjadi responden bagi mendapatkan data kajian terdiri daripada mereka yang pernah menterjemahkan buku-buku pengajian tinggi.

Sumber Data Kajian dan Metodologi

Data-data kajian yang menjadi input dalam kajian ini diperoleh daripada pelbagai sumber, iaitu buku-buku terjemahan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, dan penerbit lain yang telah dikenal pasti. Data juga diperoleh melalui temu bual dengan para penterjemah yang dapat dihubungi, dan maklumat tambahan melalui kajian kepustakaan.

Kaedah penyelidikan untuk mengumpulkan data adalah seperti yang berikut:

- i. Memilih istilah-istilah daripada setiap buku yang tajuknya sudah dikenal pasti seperti yang berikut:
 - *Soil Fertility and Fertilizers Third Edition/Baja dan Kesuburan Tanah Edisi Ketiga*
 - *Climate, Soil and Crops Production in the Humid Tropics/Iklim Tanah dan Pengeluaran Tanaman di Kawasan Tropika Lembab*
 - *Breeding Field Crops / Pembiakan Tanaman Jilid 1 & Jilid 2*
 - *Plant Pathology Fifth Edition / Patologi Tumbuhan Jilid 2*
 - *An Introduction to Agricultural System/ Pengenalan Sistem Pertanian.*

- *Guava in Malaysia Production, Pest and Diseases /Jambu Batu di Malaysia Pengeluaran, Perosak dan Penyakit.*
- ii. Istilah-istilah yang terkumpul daripada keenam-enam tajuk buku itu disemak berasaskan istilah-istilah bidang pertanian yang terdapat dalam buku Daftar Istilah Pertanian terbitan DBP/MABBIM.
 - iii. Istilah-istilah tersebut diasingkan dan dikategorikan mengikut persamaan dan perbezaan istilah yang digunakan oleh penterjemah dalam kerja terjemahan mereka.
 - iv. Selain persamaan (padanan istilah yang diambil sepenuhnya); separa penuh dan perbezaan istilah.

Sorotan Kajian

Antara kajian lepas yang dilakukan oleh para pengkaji berhubung dengan istilah-istilah dalam bidang-bidang tertentu yang dihasilkan oleh MABBIM/DBP ialah Kajian Keberterimaan Istilah MABBIM Bidang Ekonomi dan Perbankan (2010) yang diusahakan secara kerjasama antara Jawatankuasa Penyelidikan MABBIM Brunei Darussalam, Komisi Penelitian MABBIM Indonesia dan Jawatankuasa Penyelidikan MABBIM Malaysia berdasarkan keputusan Umum Sidang Ke-43 MABBIM yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 8-12 Mac 2004. Kajian ini memberikan gambaran sejauh mana istilah yang disepakati oleh Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam dimanfaatkan oleh pengguna sasarannya. Antara matlamat kajian ini adalah untuk membolehkan pihak MABBIM menilai semula istilah yang tercipta itu dan dapat membuat penambahbaikan istilah yang dianggap kurang sesuai atau kurang tepat. Dengan kata lain, kajian ini menilai tahap pemyarakatan dan penerimaan istilah perbankan dalam bahasa Melayu di institusi perbankan atau istilah ekonomi di institusi pengajian tinggi.

Satu lagi kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji sendiri tentang analisis kritis berhubung dengan penggunaan istilah-istilah bukan sains dalam kalangan penterjemah yang dihasilkan pada tahun 1989. Kajian ini meliputi bidang sains kemanusiaan tetapi tidak termasuk bidang pertanian. Oleh itu antara kelainan yang terdapat dalam kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji ialah bidang yang berbeza iaitu bidang pertanian, yang setakat ini belum ada para penyelidik yang membuat kajian dan analisis khususnya dalam bidang pertanian yang digunakan

oleh para penterjemah dalam kerja-kerja penterjemahan khususnya buku dari bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu.

Pengkaji berharap agar kajian ini dapat mengemukakan data-data yang autentik sifatnya dan seterusnya menjawab persoalan dan objektif kajian ini.

Tinjauan Sejauh Mana Para Penterjemah Memanfaatkan Istilah yang Dihasilkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka/MBIM/MABBIM dalam Urusan Penterjemahan Buku-Buku dari Bahasa Inggeris ke Dalam Bahasa Melayu dalam Bidang Sains Pertanian

Pengkaji telah meneliti dan menyemak istilah-istilah yang digunakan oleh para penterjemah semasa membuat terjemahan daripada enam buah buku seperti yang dinyatakan sebelum ini, iaitu yang diterjemahkan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Istilah-istilah yang dimanfaatkan oleh para penterjemah dapat dilihat melalui penggunaan istilah-istilah yang sama digunakan oleh penterjemah dengan istilah yang terdapat dalam buku istilah atau daftar istilah yang diterbitkan oleh DBP, hasil persetujuan bersama antara tiga negara, iaitu Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam, seperti pada Lampiran A.

Untuk menentukan sesuatu kata yang terdapat di dalam keenam-enam buku yang dikaji itu istilah atau kata umum, merupakan antara kendala yang dihadapi oleh pengkaji. Bagi setiap buku yang disemak itu sebenarnya tidak dapat ditentukan jumlah istilah yang sebenarnya. Oleh itu pengkaji berusaha untuk meneliti kata yang memperlihatkan sesuatu konsep, dan kemudian menyemaknya dengan daftar atau buku istilah dalam bidang ini. Penyemakan ini bukanlah suatu tugas yang mudah, tetapi memerlukan penelitian yang rapi. Pengkaji mengambil istilah yang pertama sahaja. Bagi istilah yang sama digunakan secara berulang-ulang, tidak diambil kira. Hasil penyemakan tersebut, pengkaji telah menyenaraikan istilah-istilah yang sama dengan istilah yang terdapat dalam buku istilah yang digunakan oleh penterjemah. Dalam Jadual 1 pada Lampiran A, sebanyak 226 istilah yang memperlihatkan persamaan dapat dikumpulkan daripada enam judul buku yang telah dikenal pasti. Menurut pecahannya, buku pertama mempunyai persamaan istilah sebanyak 18; buku kedua sebanyak 22 istilah; buku ketiga sejumlah 45 istilah; buku keempat sebanyak 47 istilah; buku kelima 16 istilah; dan buku keenam sebanyak 78 istilah. Walau bagaimanapun, terdapat juga istilah yang sama sepenuhnya tetapi memperlihatkan sedikit kelainan dari sudut ejaan seperti yang ditandakan dengan huruf tebal di dalam Jadual 1. Antaranya, termasuklah:

Buku/ Bil.	Istilah dalam bahasa Inggeris (naskhah asal)	Padanan dalam bahasa Melayu oleh penterjemah	Istilah yang digunakan oleh DBP/MABBIM	Penjelasan
3/33	<i>Crossing over</i>	Pindah silang	Pindah-silang	Istilah yang digunakan oleh penterjemah menyamai istilah MBIM/DBP tetapi tidak menggunakan sempang.
4/19	<i>Phytotoxic</i>	Fitotoksik	Fitotoksis	
6/49	<i>Fertilizers</i>	Baja-baja	Baja	
6/77	<i>Epiphytes</i>	Epifit	Epifik	

Pada umumnya, didapati penterjemah merujuk buku istilah dalam usaha mendapatkan istilah yang betul, tepat dan sesuai dengan konteks bidang yang diterjemahkan. Penterjemah dapat membuat pilihan yang sesuai dengan bahan terjemahannya kerana dalam buku atau daftar istilah tersebut memberikan kata padanan lebih daripada satu padanan dalam bahasa Melayu. Antaranya adalah seperti yang berikut:

Buku/ Bil.	Istilah dalam bahasa Inggeris (naskhah asal)	Padanan dalam bahasa Melayu oleh penterjemah	Istilah yang digunakan oleh DBP/MABBIM
2/21	<i>Nitrification</i>	Penitratan	Penitritan; penitratan
3/3	<i>Lodging</i>	Rebah	Rebah; loging
3/8	<i>Anther</i>	Anter	Anter/cepu debunga
3/14	<i>Keel petal</i>	Ranggi lunas	Lunas
4/36	<i>Canker</i>	kanker	Kanker/cerana
6/5	<i>Topography</i>	Topografi	Topografi/bentuk muka bumi
6/28	<i>Aphids</i>	Afid	Afid/kutu daun
6/56	<i>Liming</i>	Pengapuran	Mengapur/pengapuran
6/58	<i>Defoliation</i>	Peluruhan daun	Peluruhan daun / peranggasan daun

Selain istilah yang sama, terdapat juga istilah yang sama sekali berbeza yang menjadi pilihan para penterjemah semasa membuat kerja terjemahan. Antara pemilihan dan penggunaan istilah yang menunjukkan perbezaan adalah seperti yang tersenarai dalam Jadual 2 pada Lampiran B. Dalam jadual ini, sebanyak 105 istilah yang memperlihatkan perbezaan dapat dikumpulkan daripada enam judul buku yang telah dikenal pasti. Menurut pecahannya, buku pertama mengandungi istilah yang berbeza sebanyak 14; buku kedua sebanyak 12 istilah; buku

ketiga sejumlah 18 istilah; buku keempat sebanyak 14 istilah; buku kelima 12 istilah; dan buku keenam sebanyak 33 istilah.

Rumusan

Untuk melihat sejauh manakah istilah-istilah yang tercipta melalui MBIM/MABBIM yang diterbitkan dalam bentuk daftar dan buku istilah dalam bidang Sains Pertanian dimanfaatkan oleh para penterjemah dalam kerja-kerja terjemahan, dapatan pada keseluruhannya adalah seperti berikut:

Jadual 3: Jumlah dan Peratusan Pengaplikasian Istilah

Pengaplikasian Istilah	Buku 1	Buku 2	Buku 3	Buku 4	Buku 5	Buku 6	Jumlah (Peratus)
Persamaan	18 (56.2%)	22 (64.7%)	46 (71.9%)	47 (74.6%)	16 (57.1%)	78 (70.3%)	227 (68.4%)
Perbezaan	14 (43.8%)	12 (35.3%)	18 (28.1%)	16 (25.4%)	12 (42.9%)	33 (29.7%)	105 (31.6%)
Jumlah	32 (100%)	34 (100%)	64 (100%)	63 (100%)	28 (100%)	111 (100%)	332 (100%)

Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa jumlah istilah yang terkumpul daripada enam judul buku Sains Pertanian, termasuklah persamaan dan perbezaan istilah yang digunakan oleh penterjemah ialah 332 istilah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 227 istilah (68.4%) yang dipilih dan diterapkan oleh penterjemah yang mempunyai persamaan dengan istilah yang terdapat di dalam buku daftar atau buku istilah bidang Sains Pertanian; manakala istilah yang berbeza digunakan oleh penterjemah ialah sebanyak 105 istilah (31.6%). Statistik ini menunjukkan bahawa para penterjemah masih memanfaatkan dan merujuk kepada istilah-istilah yang dicipta oleh MBIM/MABBIM dalam kerja penterjemahan mereka.

Walau bagaimanapun, dapatan juga menunjukkan bahawa sejumlah lebih 200 istilah yang digunakan oleh penterjemah tidak ada padanannya dalam daftar istilah Pertanian yang diterbitkan oleh DBP. Oleh hal yang demikian itu, penterjemah berusaha mencari padanan istilah sendiri yang sesuai dengan konsep dan maksud dalam istilah sumber. Antara contoh istilah tersebut adalah seperti yang berikut:

Istilah dalam bahasa Inggeris (naskhah asal)	Padanan dalam bahasa Melayu oleh penterjemah
<i>Clonal lines</i>	Titisan klon
<i>Breeding sorghum</i>	Membiakbaka betari
<i>Source nursery</i>	Tapak semaian sumber
<i>Registered seed</i>	Biji benih berdaftar
<i>Certified seed</i>	Biji benih teraku
<i>Monogerm seed ball</i>	Bebola biji benih monogerma
<i>Polyploidy</i>	Poliploidi
<i>Susceptible</i>	Rentan
<i>Perfect flower</i>	Bunga sempurna
<i>Standard petals</i>	Ranggi panji
<i>Wing petals</i>	Ranggi kepak
<i>Lemma</i>	Lema

Masalah Utama Penterjemah dalam pengaplikasian Istilah Sains Pertanian dalam Kerja-Kerja Penterjemahan

Untuk mendapatkan data dan maklumat bagi menjawab persoalan di atas, sesi temu bual dengan beberapa orang penterjemah telah diusahakan. Menurut jadual awal, pengkaji merancang untuk menemu bual para penterjemah yang telah membuat penterjemahan terhadap enam buah buku yang dipilih. Bagaimanapun, para penterjemah yang berkaitan sukar dihubungi kerana mereka terdiri daripada penjawat awam yang telah lama bersara dan sukar pula untuk mendapatkan alamat mereka. Untuk mendapatkan data dan maklumat untuk bahagian ini, sesi temu bual telah diadakan secara santai dengan beberapa orang penterjemah yang pernah menterjemahkan buku pengajian tinggi dalam bidang Sains Pertanian dan yang berkaitan, baik yang masih bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka dan di institusi-institusi lain, mahupun mereka yang pernah ditemu bual sebelum ini.

Melalui dapatan daripada objektif kedua kajian, dan jumlah istilah yang dimanfaatkan daripada buku istilah terbitan DBP serta jumlah peratusan yang diperoleh, menunjukkan bahawa buku istilah tersebut terus dirujuk dan istilah-istilahnya telah dimanfaatkan. Untuk memperkukuh dapatan tersebut, temu bual secara santai yang dilakukan dapat membantu mengesahkan dapatan tersebut di atas. Antara dapatan kajian bagi menjawab objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i) Sebahagian besar penterjemah sebagai responden yang ditemu bual mengatakan bahawa mereka merujuk kepada buku-buku istilah yang diterbitkan oleh DBP, dan menggunakan sebahagian besar istilah tersebut dalam kerja penterjemahan mereka.
- ii) Sebahagian kecil sahaja yang tidak menggunakan sepenuhnya istilah-istilah tersebut. Menurut mereka hanya sebahagian istilah yang terdapat di dalam buku istilah itu dimanfaatkan. Hal ini demikian kerana mereka berpendapat istilah-istilah yang tersenarai di dalam buku itu tidak sesuai dengan konteks bahan yang diterjemahkan sebaliknya istilah-istilah mereka sendiri lebih tepat dan bermakna. Mereka hanya menggunakan istilah MBIM/DBP jika istilah yang ada itu sesuai dengan makna dan konteks penggunaan dalam kerja terjemahannya.
- iii) Dalam proses penterjemahan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu, responden mengatakan bahawa antara masalah yang kerap dihadapi oleh para penterjemah ialah istilah yang dicari dan diperlukan tidak terdapat di dalam buku istilah terbitan DBP. Menurut mereka, “agak sukar mendapatkan istilah dalam bahasa Melayunya”. Ada juga yang memberikan maklum balas dengan menyatakan bahawa bukan masalah yang dihadapinya tetapi masalah padanan kata.
- iv) Ketidakteraturan antara istilah dalam pelbagai bidang adalah antara maklum balas yang diterima daripada responden. Ketidakteraturan istilah ini bukan sahaja terdapat dalam bidang Sains Pertanian, tetapi juga bidang lain yang berkaitan, dan ini merupakan antara faktor yang menimbulkan masalah dalam kerja terjemahan mereka.
- v) Bagi individu atau penterjemah yang pernah menjadi ahli Jawatankuasa Istilah DBP, lazimnya tidak banyak menghadapi masalah penterjemahan kerana mudah mendapatkan dan memiliki sumber rujukan buku istilah DBP dan mudah baginya menggunakan istilah MBIM sepenuhnya dalam kerja penterjemahan, terutamanya penterjemah dari DBP sendiri kerana mereka kerap menerima maklumat-maklumat baharu tentang istilah yang diterbitkan oleh DBP.
- vi) Antara dapatan baharu yang bersangkutan dengan pemilihan dan penggunaan istilah MBIM ini ialah masalah tatabahasa dalam penterjemahan dari bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu, terutama struktur ayat dan sistem pengimbuhan. Aspek tatabahasa yang selalu menjadi masalah dalam kalangan penterjemah adalah untuk memahami makna sesuatu ayat. Kebanyakan responden mengatakan bahawa sekiranya mereka menghadapi kesukaran untuk menjelaskan sesuatu fakta dalam bahasa Melayu, mereka akan menggunakan istilah-istilah

bahasa Inggeris. Ada juga yang mengatasi masalah ini dengan menggunakan bahasa Melayu tetapi mengubah ayatnya, iaitu menterjemahkan definisi sesuatu perkataan dan menerangkannya dengan panjang lebar.

vii) Ada juga responden yang mengatakan tidak langsung memiliki buku istilah sebagai sumber rujukan, dan apatah lagi memanfaatkan istilah yang ada, sebaliknya menggunakan istilah yang digunakan di universiti.

Kesimpulan

Pada umumnya, bagi mereka yang mempunyai pengalaman menterjemah dan mempunyai kelulusan dalam bidang Sains Pertanian, mereka memahami konsep-konsep dalam istilah yang mahu digunakan. Yang menjadi masalah dalam kerja penterjemahan ialah penterjemah yang menterjemahkan buku dalam bidang ini, bukan bidang pengkhususannya. Walau bagaimanapun, tidak semuanya yang bersetuju seratus peratus menggunakan istilah yang terdapat di dalam buku atau daftar istilah yang diterbitkan oleh DBP dengan pelbagai maklum balas seperti yang dijelaskan di atas. Tidak dapat dinafikan bahawa pada tahun 1980-an, kebanyakan buku dalam bahasa Inggeris yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu mempunyai banyak kekurangan, terutamanya dari sudut istilah yang tidak lengkap, kerap berubah dan ada istilah yang berlainan dalam bidang yang sama. Kegiatan menterjemah buku-buku pengajian tinggi khususnya rancak dilakukan oleh DBP pada tahun-tahun tersebut untuk menyebarkan ilmu baharu kepada pelajar IPT. Tetapi usaha ini tidak lagi dilaksanakan oleh DBP apabila tugas penterjemahan itu diambil alih oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM). Walau bagaimanapun, sudah banyak ilmu dalam bahasa Inggeris dipindahkan ke dalam bahasa Melayu untuk dimanfaatkan dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya dan masyarakat Malaysia amnya.

RUJUKAN

- Achmad Baihaki, et.al. 1979. *Daftar Istilah Pertanian Indonesia-Asing*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Daftar Istilah MBIM*. 1986. (Hasil Sidang ke-7-23 Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia) 1974-1985 *Istilah Sumber –Istilah Malaysia A-J*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Istilah MBIM*. 1986. (Hasil Sidang ke-7-23 Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia) 1974-1985 *Istilah Sumber –Istilah Malaysia K-Z*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. 1980. Perasmian Sidang ke-15 MBIM, Kota Kinabalu, Sabah. Ucapan, 2 September.
- Istilah Pertanian Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia Bahasa Malaysia-Bahasa Inggeris*. 1980,1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Istilah Teknik dan Vokasional Pertanian, Bahasa Inggeris- Bahasa Malaysia Bahasa Malaysia-Bahasa Inggeris*. 1993. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
